

EDISI 10

JUN 2023

BULETIN APB

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN



Pembangunan Bakat Analitik Data Raya - "Analisis Data Menggunakan Aplikasi Microsoft Excel"

**ROZIANIWATI YUSOF, JAMILAH OTHMAN, NOOREZATTY MOHD YUSOP
& AZ'LINA ABDUL HADI**

KOLEJ PENGAJIAN PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK DAN MEDIA
UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN

Dalam era pendigitalan, kebanyakan proses dibantu oleh peranti-peranti yang akan menghasilkan sekumpulan data yang besar. Data yang terhasil adalah dalam bentuk hingar dan memerlukan pemprosesan serta analisis bagi mendapat suatu maklumat yang bermakna. Oleh itu, adalah suatu pembaziran mengabaikan data yang terhasil tanpa kesinambungan proses analisis. Perisian Microsoft Excel merupakan satu perisian yang dapat membantu pemprosesan serta analisis data semudah ABC.

Menyedari kepentingan perisian tersebut, ahli jawatankuasa Pembangunan Bakat Analitik Data Raya UiTM Negeri Sembilan dengan kerjasama Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media (KPPIM) UiTM Cawangan Negeri Sembilan telah menganjurkan satu bengkel yang bertajuk "Analisis Data Menggunakan Perisian Microsoft Excel". Bengkel ini telah berlangsung pada 17 Disember 2022 di kampus Seremban dengan penyertaan seramai 19 orang peserta. Bengkel ini menyasarkan pembangunan bakat dalam kalangan pelajar daripada pelbagai fakulti yang sedang mengikuti pengajian Diploma dan Ijazah Sarjana Muda.


Bengkel ini telah berjaya dikendalikan oleh Puan Wan Aryati iaitu Pensyarah Kanan daripada Pengajian Pengkomputeran KPPIM. Bengkel ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai kepentingan perisian Microsoft Excel dalam sesuatu organisasi serta mengaplikasikan kaedah menganalisis data yang boleh membantu mereka dalam bidang pekerjaan kelak. Di samping itu, dengan penyertaan para pelajar dalam bengkel ini menjadi satu nilai tambah 'added value' dalam resume mereka.




Penganjuran bengkel ini bermula dengan memberi fokus kepada pengenalan fungsi-fungsi asas di dalam perisian Microsoft Excel seperti cara memformat data, menghasilkan formula-formula serta menggunakan formula-formula yang terdapat di dalam perisian. Sebagai contoh, 'sum', 'if' dan 'count'. Usai memahami fungsi-fungsi asas di dalam perisian, bengkel diteruskan dengan memperkenalkan fungsi 'data validation' dan 'lookup'. Fungsi-fungsi ini adalah penting dalam menetapkan format suatu data. Para peserta diajar cara mengaplikasikan fungsi-fungsi tersebut dalam pemprosesan data yang sebenar. 'Data validation' membolehkan format sesuatu lajur di dalam data ditetapkan bagi mengelakkan data yang tidak konsisten. Manakala 'lookup' membenarkan proses transformasi dilakukan bagi mengatasi masalah data hingar (noisy).

Bengkel diteruskan dengan fungsi yang amat penting dalam Excel iaitu pivot table dan penghasilan graf. Pivot table memastikan analisis data dilakukan dengan lebih cepat dan tepat dan seterusnya memudahkan penghasilan graf. Para peserta juga diberikan penerangan cara membersihkan data menggunakan pivot table. Di penghujung program, pelajar-pelajar diberi penjelasan secara ringkas berkaitan penghasilan interactive dashboard yang mana topik tersebut akan dibincangkan secara terperinci menerusi bengkel Microsoft Excel siri ke-2.

Bengkel yang bermula seawal jam 8 telah ditamatkan pada jam 5 petang dan telah menerima maklum balas yang memberangsangkan. Menerusi maklum balas daripada 19 orang peserta, majoriti peserta telah memberi maklum balas yang positif terhadap kandungan bengkel, penceramah serta penganjuran bengkel tersebut. Rajah di bawah menunjukkan analisis maklum balas daripada peserta-peserta terhadap kandungan bengkel pada hari tersebut.



Rajah 1: Penilaian Sebelum Bengkel



Rajah 2: Penilaian Selepas Bengkel

Pada Awal program, kesemua peserta didapati tidak begitu memahami fungsi-fungsi yang terdapat dalam Microsoft Excel. Penyertaan para peserta ke program ini telah meningkatkan pemahaman peserta dengan lebih baik berkaitan kesemua fungsi yang telah diperkenalkan dalam bengkel tersebut.

Kejayaan bengkel ini telah mencetuskan idea baru serta meningkatkan semangat ahli jawatankuasa penganjuran serta penceramah untuk meneruskan bengkel Microsoft Excel ini dengan siri akan datang dengan pengisian yang lebih menarik dan bermanfaat kepada para pelajar. Walaupun begitu, ketetapan masa dan tarikh perlu diperhalusi dengan lebih terperinci bagi memberi peluang kepada semua pelajar menyertai bengkel ini. Ini kerana terdapat kekangan masa seperti pelajar-pelajar yang ingin menyertai bengkel ini terpaksa membatalkan penyertaan disebabkan terlibat dengan majlis konvokesyen yang berbeza masa mengikut kampus. Pihak jawatankuasa terpaksa memilih tarikh yang betul-betul sesuai dengan majoriti peserta yang telah bersetuju untuk mengikuti bengkel ini.

Dengan penganjuran bengkel ini, diharap para peserta dapat memanfaatkan ilmu yang diperolehi dalam sesi pembelajaran serta menggunakannya ketika melangkah ke alam pekerjaan selaras dengan kemajuan teknologi yang banyak mengaplikasikan data raya. Berikut adalah titipan foto sepanjang bengkel diadakan.